

10/04/2003

Pengarah bomba Kelantan kena tumbuk

KOTA BHARU: Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan, Zamri Ibrahim, diserang sekumpulan penyokong Umno pada majlis perjumpaan di sebuah restoran di Jalan Long Yunus, di sini, petang semalam.

Zamri mengalami kecederaan di muka berikutan ditumbuk, sebelum diselamatkan oleh beberapa anggota polis yang berada di majlis itu.

Kejadian itu berlaku kira-kira jam 6.10 petang, ketika pengerusi majlis, Timbalan Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Datuk Mohd Fatmi Che Salleh, sedang berucap.

Turut berada di majlis itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Zaid Ibrahim dan Ketua Wanita Umno bahagian Kota Bharu, Ilani Isahak.

Majlis bermula jam 6 petang itu bertujuan menyerahkan memorandum tidak puas hati dan bantahan terhadap Zamri yang didakwa banyak menyinggung perasaan Umno bahagian itu.

Pada awalnya, majlis berlangsung dalam suasana aman, bagaimanapun bertukar kecoh apabila Zamri yang bersendirian muncul secara tiba-tiba untuk menemui Zaid.

Selepas bersalaman, Zamri meninggalkan majlis itu dan sebelum sempat keluar, dia dipukul penyokong parti itu yang dikatakan marah dengan tindakannya yang menyinggung perasaan Zaid.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Mohd Fatmi mendakwa Zamri secara terang-terangan melakukan perbuatan bertentangan dengan amalan seorang ketua jabatan Kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata, memorandum mengandungi enam perkara itu yang sepatutnya diserahkan kepada Zamri sebaik majlis berakhir, bagaimanapun gagal diserahkan berikutan insiden itu.

Lima perkara yang sempat dibacakan Mohd Fatmi ialah; Zamri didakwa membenarkan penganjuran ceramah di surau jabatannya dengan menjemput penceramah Pas pada 17 dan 22 Februari lalu.

Zamri didakwa membenarkan pengedaran akhbar lidah rasmi Pas, Harakah dalam jabatan; menganiaya ahli bomba yang menyokong Umno dengan menukarkan tempat mereka bertugas ke kawasan lebih jauh; memulau kelas jahitan anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di jabatan itu dan enggan hadir pada majlis yang membabitkan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kelantan, baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner

II Datuk Abdul Aziz Nawi, ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima laporan Zamri yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) di sini dan siasatan sedang dilakukan.